



SOALAN LAZIM (FAQ)

MENGENAI PERMOHONAN PENGANJURAN ACARA SUKAN

1. **Apakah kategori permohonan penganjuran acara sukan di Malaysia yang perlu dimohon kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS)?**

Terdapat 3 kategori utama bagi penganjuran acara sukan iaitu:

i. **Syarikat**

- Merujuk kepada mana-mana syarikat yang berdaftar di bawah Akta 777 (Akta Syarikat 2016)

ii. **Badan Sukan**

- Permohonan dari badan sukan yang berdaftar di Pejabat Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*]

iii. **Bukan Badan Sukan**

- Merujuk kepada mana-mana organisasi atau pertubuhan selain di bawah Akta 777 dan Akta 576 iaitu:
 - a. Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan Awam Persekutuan;
 - b. Kerajaan Negeri/ Jabatan/ Agensi Kerajaan Awam Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - c. Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berdaftar.

2. **Bagaimana cara untuk mendaftar permohonan penganjuran acara sukan?**

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Badan Sukan (eROSA) di pautan <https://erosa.kbs.gov.my>. Pendaftaran pengguna adalah mengikut kategori berikut:

i. **Syarikat (Pelesenan)**

- Didaftarkan oleh wakil syarikat dan perlu mendaftar sebagai pengguna baharu (sekiranya permohonan kali pertama).

ii. **Badan Sukan**

- Permohonan dibuat oleh setiausaha badan sukan.

iii. **Bukan Badan Sukan**

- Pendaftaran oleh wakil kementerian/ organisasi/ pertubuhan dan perlu mendaftar sebagai pengguna baharu (sekiranya permohonan adalah kali pertama).

3. **Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk membuat permohonan penganjuran dan pelesenan sebelum acara diadakan?**

Tempoh yang diperlukan bagi permohonan pelesenan oleh syarikat adalah **30 hari** bagi peringkat tempatan dan **90 hari** bagi peringkat antarabangsa. Manakala bagi permohonan penganjuran acara oleh badan sukan dan bukan badan sukan adalah dalam tempoh **14 hari**.

4. **Berapakah bayaran (fi) yang dikenakan untuk permohonan penganjuran acara sukan?**

TIADA sebarang bayaran (fi) yang dikenakan untuk permohonan penganjuran acara sukan oleh badan sukan dan bukan badan sukan. Manakala bayaran (fi)

dikenakan bagi kategori pelesenan oleh syarikat adalah sebanyak RM500.00 bagi acara tempatan dan RM 1,000.00 bagi acara antarabangsa.

5. Sekiranya penganjur ingin menganjurkan acara sukan di peringkat antarabangsa, adakah perlu untuk membuat permohonan melalui sistem eROSA?

PERLU. Seksyen 33(1) Akta 576 memperuntukkan bahawa *“Tiada seorang pun boleh membuat tawaran atau menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu dan keputusan Menteri adalah muktamad”*.

6. Mengapa perlu mendapatkan kebenaran penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan daripada PJS?

Kebeneran tersebut adalah perlu bagi memastikan setiap penganjuran/ pertandingan/ acara yang dianjurkan adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola selaras dengan seksyen 34 Akta 576 yang memperuntukkan,

“Sesuai badan sukan hendaklah memastikan bahawa semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai olehnya serta pertandingan dan acara sukan yang diadakan di bawah naungannya, adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukannya dalam semua perkara, termasuk standard dan kelayakan semua peserta dan pegawai serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu”

7. **Apakah dokumen yang perlu disediakan bagi permohonan penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan melalui sistem eROSA?**

Penganjur perlu melengkapkan borang secara dalam talian dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

i. **Kategori Pelesenan (Syarikat)**

1. *Satu Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Satu Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat / Perlembagaan, Borang 24 / Borang Teras, Borang 49 / Borang Teras;
2. *Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);
3. *Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola;
4. *Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
5. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;
6. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada);
7. Surat kelulusan Menteri: ***bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara 1-6 telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Acara Sukan Antarabangsa (JKPSA) yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya atau wakil bagi mendapatkan perakuan, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.***

ii. **Kategori Badan Sukan**

1. *Salinan Sijil Pendaftaran Badan Sukan;
2. *Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);

3. *Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola (jika badan pengelola yang menganjurkan boleh mengemukakan surat pengesahan dan pemakluman menganjurkan kejohanan kepada PJS);
4. *Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
5. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;
6. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada); dan
7. Surat kelulusan Menteri: ***bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara 1-6 telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Acara Sukan Antarabangsa (JKPSA) yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya atau wakil bagi mendapatkan perakuan, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.***

iii. **Kategori Bukan Badan Sukan**

1. *Salinan Sijil Pendaftaran Organisasi (Jika tiada, kemukakan surat pengesahan dari ketua Jabatan/agensi kerajaan);
2. *Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);
3. *Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola (jika badan pengelola yang menganjurkan boleh mengemukakan surat pengesahan dan pemakluman menganjurkan kejohanan kepada PJS);
4. *Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
5. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;
6. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada);
7. Surat kelulusan Menteri: ***bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara 1-6 telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Acara Sukan Antarabangsa (JKPSA) yang dipengerusikan oleh***

Pesuruhjaya atau wakil bagi mendapatkan perakuan, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.

8. **Saya merupakan Eksekutif Sumber Manusia di sebuah kilang dan berhasrat mengadakan pertandingan tenpin boling antara bahagian dan unit yang melibatkan penyertaan sepenuhnya oleh kakitangan dan pekerja kilang. Adakah saya perlu memohon kebenaran (pelesenan) daripada PJS?**

TIDAK. Penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara peringkat dalaman sesebuah organisasi tidak memerlukan lesen daripada PJS.

9. **Syarikat saya ingin menganjurkan kejohanan *e-sports* di peringkat kebangsaan secara dalam talian. Adakah saya perlu memohon pelesenan bagi penganjuran daripada PJS?**

Jika penganjur menganjurkan kejohanan *e-sports* sepenuhnya secara dalam talian di peringkat tempatan dan tidak melibatkan pengumpulan orang ramai, permohonan **TIDAK PERLU** dibuat kepada PJS. Walaubagaimanapun, kebenaran daripada PJS diperlukan sekiranya dilaksanakan secara hibrid. Manakala bagi penganjuran *e-sports* yang diadakan secara dalam talian di peringkat antarabangsa, kebenaran **PERLU** diperolehi daripada PJS.

10. **Pasukan bola sepak komuniti saya berhasrat mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan setempat. Adakah saya perlu memohon kebenaran daripada PJS?**

TIDAK. Penganjuran perlawanan secara individu/ persahabatan/ komuniti tidak memerlukan kebenaran PJS. Namun, kebenaran penganjuran diperlukan sekiranya melibatkan skala yang besar atau melibatkan peserta profesional.

11. **Persatuan saya berhasrat mengadakan latihan untuk pemilihan atlet bagi mewakili pasukan ke SUKMA. Adakah saya perlu memohon kebenaran daripada PJS?**

TIDAK. Walau bagaimanapun, kebenaran penganjuran diperlukan sekiranya melibatkan skala yang besar dan melibatkan penyertaan pasukan lain.

12. **Sekiranya acara sukan yang hendak dianjurkan oleh organisasi saya tidak mempunyai badan kebangsaan bagi tujuan *sanction*, bagaimanakah untuk meneruskan permohonan kebenaran penganjuran kejohanan atau pertandingan daripada pihak PJS?**

Mana-mana kejohanan/ pertandingan/ acara sukan yang hendak dianjurkan oleh organisasi yang tidak mempunyai badan kebangsaan, penganjur boleh mengemukakan surat pemakluman yang menyatakan bahawa tiada badan pengelola di peringkat kebangsaan bagi sukan tersebut untuk mendapatkan *sanction*. Sekiranya penganjuran tersebut adalah di peringkat antarabangsa, penganjur hendaklah mendapatkan *sanction* daripada Badan Pengelola Antarabangsa (IF) acara sukan terbabit.

13. **Sekiranya penganjuran kejohanan sukan yang hendak dilaksanakan oleh organisasi saya adalah tidak berisiko, perlukah saya mendapatkan perlindungan insurans untuk dimuat naik di dalam sistem eROSA?**

YA. Setiap jenis penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan yang hendak dilaksanakan sama ada berisiko atau tidak, **PERLU** mendapatkan perlindungan insurans dan merupakan syarat **WAJIB** yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

14. **Saya merupakan pegawai sebuah Badan Berkanun Kerajaan Persekutan dan berhasrat mengadakan program larian santai (*fun run*) yang melibatkan penyertaan seramai 2,000 orang awam. Adakah saya perlu memohon kebenaran daripada PJS bagi penganjuran program tersebut?**

YA. Penganjur perlu memohon kebenaran daripada PJS secara dalam talian di bawah kategori Bukan Badan Sukan.

15. **Saya merupakan wakil dari salah sebuah Majlis Perbandaran di pantai timur. Pihak kami ingin mengadakan '*Fun Walk*' yang melibatkan penyertaan seramai 500 orang awam yang terdiri daripada penduduk setempat dan daerah lain. Adakah pihak kami masih perlu memohon kebenaran daripada PJS bagi penganjuran program tersebut?**

YA. Penganjur perlu memohon kebenaran PJS secara dalam talian di bawah kategori Bukan Badan Sukan. Ini adalah kerana permohonan penganjuran acara merupakan aktiviti massa yang melibatkan penyertaan orang ramai pada suatu masa seperti *fun run*, *fun ride*, *marathon* dan *triathlon*.

16. **Saya dari Unit Sukan di sebuah IPT tempatan dan bercadang untuk mengadakan karnival sukan dengan penyertaan beberapa buah IPT di Lembah Klang yang melibatkan beberapa acara sukan dipertandingkan. Adakah saya perlu membuat permohonan untuk setiap acara secara berasingan atau satu permohonan sahaja?**

Penganjur boleh membuat satu permohonan sahaja atas nama karnival atau acara tersebut. Walau bagaimanapun, penganjuran acara perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan termasuk mendapatkan surat sanksi (*sanction*) bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan, beserta surat kelulusan/ kebenaran pemilik tempat bagi setiap tempat sekiranya acara dilaksanakan di tempat yang berlainan. Polisi insuran juga perlu disertakan dengan nama karnival / acara tersebut sahaja.

17. Sekiranya saya mempunyai masalah berhubung penggunaan sistem eROSA melibatkan kebenaran penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara, di manakah saya boleh merujuk?

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Ibu Pejabat : 03 8994 4800
Rantau Sabah : 088-762 232/ 088- 764 232
Rantau Sarawak : 082-237 675
E-mel : pps_hq@kbs.gov.my
Portal : <http://pps.kbs.gov.my>

DIKELUARKAN OLEH:

**PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

20 JULAI 2022